



SERAMAI 181 pelajar baru menerima sumbangan khas B40.

# 181 pelajar terima sumbangan khas

► Majlis Penyampaian Bantuan Khas Kebajikan dan Ramah Mesra pelajar baharu B40 UMS

UB 4.10.2018 B7



**KOTAKINABALU:** Seramai 181 pelajar baharu B40 menerima sumbangan bantuan khas kebajikan RM200 setiap seorang dalam Majlis Penyampaian Bantuan Khas Kebajikan & Ramah Mesra B4 di Dewan Bankuasi, Dewan Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS).

Majlis yang diselenggarakan oleh Bahagian Kebajikan Jabatan Hal Ehwal Pelajar, UMS disempurnakan oleh Yang Di Pertua Majlis Ugama Islam Sabah (MUIS) Datuk Seri Panglima Dr. Haji Hasbullah Bin Haji Mohd Taha.



**HASBULLAH** menyampaikan sumbangan kepada pelajar.

Sebelum itu majlis diserikan dengan tayangan montaj khas mengenai kisah kehidupan dan perasaan gembira serta terharu keluarga pelajar-pelajar B40 ini saat anak mereka berjaya menerima tawaran masuk

belajar ke UMS.

Turut hadir pada majlis berkenaan ialah Ahli Lembaga Pengarah UMS Datin Hajah Nurlaila Said, Naib Canselor, Prof. Datuk Dr. D Kamarudin D Mudin, Timbalan Naib

Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni) UMS, Prof. Dr. Ismail Ali, Pegawai-Pegawai Utama dan Kanan UMS, Dekan-Dekan, Pegawai-Pegawai dan staf UMS dan mahasiswa mahasiswi UMS.